



We seek your cooperation on the following

- No videography
- No photography

All slides will be made available on the school website at a later time.

Harap maklum.....

- Log masuk menggunakan nama dan kelas anak anda.
Contoh: (Siti 5RE, Danial 6HA)
- Matikan mikrofon dan video pada setiap masa.
- Tidak dibenarkan mengambil gambar dan merakam video.
- Gunakan fungsi sembang (chat) jika terdapat sebarang pertanyaan semasa taklimat dijalankan.
- Kesemua slaid akan dinaikmuatkan ke laman sekolah dalam masa yang terdekat.




Komponen Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah (PSLE)




Ujian/Peperiksaan untuk P5

Penggal 1 (10%)	Penggal 2 (10%)	Penggal 3 (10%)	Penggal 4 (70%)
Kertas Bahasa (Kertas 2)	Lisan	Kertas Bahasa (Kertas 2)	<ul style="list-style-type: none">• Lisan• Kefahaman Mendengar• Karangan• Kertas 2



Ujian/Peperiksaan untuk P6



Penggal 1 (CA)	Penggal 2 (SA)	Penggal 3 (PRELIM)	Penggal 4 (PSLE)
<ul style="list-style-type: none">• Karangan• Kertas 2	<ul style="list-style-type: none">• Lisan• Kefahaman Mendengar• Karangan• Kertas 2		



Taklimat
untuk
ibu bapa
P5 dan P6



Kertas	Kandungan	Markah
1	Karangan	40
2	Penggunaan Bahasa dan Kefahaman	90
3	Kefahaman Mendengar	20
	Lisan	50
	Jumlah	200




Kertas 1

50 minit - Pilih **satu** soalan

Soalan 1 - Tajuk

Saya telah membuat keputusan yang betul.



Soalan 2 -

Gambar Bersiri

SOALAN 2

Perhatikan gambar bersiri di bawah ini. Tulis karangan berdasarkan gambar tersebut dan ceritakan peristiwa yang berlaku selanjutnya. Kamu boleh menggunakan perkataan dan frasa yang diberikan.



menonton televisyen

e-skuter

cuba menunggang

tiada

pergi

sangat seronok

tanpa kebenaran

terkejut



TIP MENULIS KARANGAN YANG BAIK

1. Baca semua soalan yang diberi:

- Fahami arahan kehendak soalan.
- Karangan yang tidak terlalu panjang atau pendek mengikut jumlah perkataan yang ditetapkan.

2. Isi Karangan:

- Susun isi secara berturutan dan mengikut perenggan
- Sebaik-baiknya karangan mengandungi nilai-nilai murni.



TIP MENULIS KARANGAN YANG BAIK

3. Penggunaan perkataan yang pelbagai:

- Menggunakan perkataan yang terkini
- Elak penggunaan perkataan sama yang berulang / kerap

4. Susun ayat dengan kemas:

- Tulis ayat yang lengkap dan pelbagai.
- Kebolehan menggunakan rangkai kata / ungkapan yang menarik



TIP MENULIS KARANGAN YANG BAIK

5. Penggunaan tanda baca pada tempat yang betul:

- Guna tanda baca pada tempat yang diperlukan
- Guna huruf kecil dan huruf besar pada tempatnya.

6. Tulis mengikut ejaan yang betul:

- Elak daripada menulis huruf yang mengelirukan
- Tulisan yang kemas



Kertas 2

▶ Bahagian A (MCQ)

✓ Imbuhan

- Awalan, akhiran & apitan

✓ Peribahasa

- Peribahasa atau makna peribahasa

✓ Golongan Kata

- Isi tempat kosong dengan perkataan yang sesuai

✓ Kefahaman Objektif

4 soalan pemahaman dan 1 kosa kata



Imbuhan



Arahan: Pilih perkataan yang paling sesuai bagi setiap tempat kosong dalam petikan karangan di bawah ini.

Apakah reaksi kebanyakan orang apabila hujan turun secara tiba-tiba? Kalau tidak berpayung, sudah tentu mereka akan berlari (1) _____ yang boleh untuk mencari tempat berteduh. Tidak mungkin mereka akan (2) _____ diri kebasahan. Lagipun, orang tua-tua selalu berpesan, 'Jangan sampai (3) _____ hujan, nanti demam'. Pesanan tersebut kekal dalam (4) _____ dan disampaikan pula kepada generasi selanjutnya.

- | | | |
|---|------------------|-----------------|
| 1 | (1) kepantasan | (2) memantaskan |
| | (3) sepantas | (4) terpantas |
| 2 | (1) biarkan | (2) dibiarkan |
| | (3) membiarkan | (4) terbiar |
| 3 | (1) dikenakan | (2) mengena |
| | (3) mengenakan | (4) terkena |
| 4 | (1) beringat | (2) ingatan |
| | (3) mengingatkan | (4) teringat |

Peribahasa

Natiqah menghitung jumlah wang yang ada dalam simpanannya. Ternyata, meskipun sudah puas Natiqah (11) berikhtiar, wang yang terkumpul masih belum cukup.

"Aku tidak akan berputus asa. Meskipun sukar, rancanganku untuk mendermakan peralatan sekolah kepada kanak-kanak susah di luar negara akan tetap aku teruskan," bisik Natiqah sendirian.

Natiqah memang (12) tahan uji. Dia segera memikirkan cara lain untuk memastikan rancangannya terlaksana.

Kak Iffah yang sedang memerhatikan telatah adiknya itu bersuara, "Kalau masih kurang, Kakak boleh tambah."

(13) Besar hati Natiqah apabila mendengar kata-kata Kak Iffah. Namun, Natiqah enggan menerima bantuan kakaknya itu.

"Kata Ayah, selagi Tiqah (14) ikhlas, selagi itulah usaha Tiqah akan dipermudah. Tiqah yakin. Pasti (15) ada jalan lain yang boleh Tiqah usahakan," balas Natiqah.

Kak Iffah tersenyum bangga melihat Natiqah yang cukup bersemangat itu.

- | | |
|----|---|
| 11 | (1) perah tenaga
(2) banting tulang
(3) memerah otak
(4) mengorak langkah |
| 12 | (1) berkeupayaan
(2) saling memberi
(3) berani diuji kebaikan
(4) suka memberikan bantuan |
| 13 | (1) sangat tekad
(2) berasa senang
(3) ada kemahuan untuk melakukan sesuatu
(4) perasaan gembira terhadap sesuatu pertolongan |
| 14 | (1) putih hati
(2) lurus akal
(3) hati emas
(4) ringan tulang |
| 15 | (1) memiliki idea
(2) mempunyai cara untuk melakukan sesuatu
(3) menumpukan perhatian dengan sepenuh hati
(4) mencari peluang meneruskan sesuatu yang dirancangkan |

Berdasarkan senarai peribahasa yang diberikan oleh guru



Golongan Kata



Abang berkeras tidak mahu mengikut Ibu dan Ayah bercuti di kampung Datuk dan Nenek. Kata Abang, dia pasti tidak dapat (16) _____ diri dengan kehidupan di kampung. Ternyata, (17) _____ Abang itu salah. Sepanjang berada di Kampung Cempaka, Abang langsung tidak berasa (18) _____.

"Tentulah, Abang dapat melakukan pelbagai kegiatan menarik. Lagipun, penduduk kampung melayan Abang dengan baik. (19) _____ yang dipamerkan oleh mereka membuat Abang benar-benar terharu," cerita Abang.

Maka itulah, (20) _____ setahun beralu, Abang masih tidak henti-henti bercerita tentang pengalamannya bercuti di Kampung Cempaka. Jelaslah, percutian tersebut telah meninggalkan

- 16 (1) menyatukan
(2) membiasakan
(3) menyeronokkan
(4) membahagiakan

- 17 (1) alasan
(2) harapan
(3) cadangan
(4) sangkaan

- 18 (1) benci
(2) gerun
(3) bosan
(4) geram

- 19 (1) Keriangan
(2) Kemesraan
(3) Kesayangan

Kefahaman Objektif

TEKS KEFAHAMAN

D13, Sultan dan Raja Kunyit – inilah antara nama-nama yang diberikan kepada durian, buah yang isinya berwarna kuning, putih ataupun oren. Tidak seperti buah lain, apabila sudah masak, buah yang beratnya boleh mencapai sembilan kilogram ini tidak dipetik. Sebaliknya, buah ini akan gugur ke bumi dengan sendirinya. Kulit durian yang tebal dan berduri mampu melindunginya daripada kerosakan akibat gugur dari pohon yang tinggi. Namun, kulit yang tebal ini tidak mampu **menahan** bau yang menusuk hidung daripada keluar. Oleh sebab bau yang amat kuat inilah, keadaan di beberapa buah negara menjadi kelam-kabut kerana bau durian disangka bau gas. Sudah sewajarnya, orang ramai dilarang keras untuk membawa masuk durian ke dalam hotel, pesawat dan sesetengah pengangkutan awam.

Ternyata, para penjual durian telah memanfaatkan larangan ini dengan cara memudahkan pembelian durian. Misalnya, khidmat penghantaran durian ke rumah ditawarkan. Sesetengah penjual pula menyediakan ruang berhawa dingin di kedai mereka agar para pelanggan boleh menikmati durian dengan selesa. Para pelanggan menyambut baik **usaha ini**.

Untuk mendapatkan kepercayaan pelanggan pula, pakar durian ditempatkan di kedai durian. Mereka bersedia untuk mengongsi panduan memilih durian dengan para pelanggan. Para pelanggan juga boleh mengikuti bengkel untuk melengkapi diri dengan kemahiran memilih durian. Tidakkah mereka kerugian akibat tertipu oleh penjual. Apatah lagi, harga satu kilogram durian boleh mencapai puluhan dolar.

Penggemar durian memang sanggup mengeluarkan belanja yang besar untuk menikmati keenakan durian. Patutlah, pada musim durian, berlori-lori durian dibawa masuk ke Singapura. Sebenarnya, bekalan durian boleh terjejas akibat keadaan cuaca. Apabila hal ini terjadi, harga durian akan meningkat. Namun, permintaan untuk durian tetap tinggi. Maklumlah, buah yang kaya dengan *potassium* dan vitamin ini turut digunakan untuk menghasilkan aiskrim, kek dan lain-lain. Biji durian pula boleh direbus, dibakar atau digoreng untuk dijadikan hidangan. Jelaslah, disebabkan oleh keenakannya, buah yang digelar Raja Segala Buah ini terus mendapat tempat di hati kebanyakan orang.

SOALAN KEFAHAMAN

- 21 Ciri durian yang boleh menimbulkan keadaan kelam-kabut ialah _____.
- (1) baunya yang amat kuat
 - (2) kulitnya yang tebal dan berduri
 - (3) isinya yang berbeagai-bagai warna
 - (4) beratnya yang boleh mencapai sembilan kilogram
- 22 Frasa 'usaha ini' merujuk kepada tindakan penjual _____.
- (1) melaksanakan larangan keras
 - (2) memudahkan pembelian durian
 - (3) mengongsi panduan memilih durian
 - (4) mendapatkan kepercayaan pembeli
- 23 Perenggan keempat menekankan bahawa _____.
- (1) harga durian mahal
 - (2) orang ramai amat euka akan durian
 - (3) jumlah durian yang dibawa masuk banyak
 - (4) bekalan durian boleh terjejas akibat keadaan cuaca
- 24 Bagi kebanyakan orang, keistimewaan durian terletak pada _____.
- (1) rasanya
 - (2) khasiatnya
 - (3) gelarannya
 - (4) kegunaannya
- 25 Perkataan 'menahan' dalam perenggan pertama bermaksud _____.
- (1) menolak
 - (2) melawan
 - (3) mengawal
 - (4) menghalang



▶ Bahagian B (OE)

✓ Frasa (FIB)

- Melengkapkan teks dialog dengan frasa yang sesuai

✓ Rangsangan Grafik (MCQ & FIB)

- Memilih jawapan berdasarkan teks brosur, iklan, poster dan menu dan lain-lain

✓ Kefahaman 2 (Subjektif)

- Teks Naratif- Menjawab soalan dan soalan kosa kata




Frasa

Pendaya

- (1) kerana memenangi tempat kedua
- (2) perasaan kamu semasa bertanding
- (3) berasa lebih yakin kemudiannya
- (4) kamu boleh berjaya dengan begitu cemerlang
- (5) dapat pimpinan dan ajaran daripada Cikgu Zaleha
- (6) untuk pelajar-pelajar Zon Utara atau peringkat Kebangsaan

- Salmah : Saya dapat tahu bahawa kamu telah menjadi johan dalam peraduan yang diadakan semalam.
- Murni : Ya, saya bersyukur (26) _____. Beliau telah membantu saya sebelum peraduan itu.
- Salmah : Adakah pertandingan itu (27) _____?
- Murni : Pertandingan itu untuk pelajar-pelajar sekolah rendah di Zon Utara sahaja.
- Salmah : Hebatkah saingannya? Bagaimana (28) _____?



Rangsangan Grafik

Diari Penduduk Estet Nilam September 2019

Sepanjang bulan Ogos, pelbagai kegiatan diadakan sempena Kempen Jimat Air.

11 Ogos
Bertempat di Kolam Air Intan
 Para penduduk membentuk titisan air yang besar
 melafazkan ikrar untuk mengurangkan penggunaan air di rumah
 menyertai Peraduan Melukis Poster

18 Ogos
 Anggota Persatuan Belia Estet Nilam berkunjung ke rumah penduduk lanjut usia untuk:
 • membetulkan paip air yang bocor
 • mengongsi panduan menjimatkan air

19 Ogos
 Seperti 94 buah sekolah yang lain, Sekolah Rendah Nilam turut mengambil bahagian dalam Latihan Mencatu Air.

25 - 26 Ogos
Pameran Jimat Air di Plaza Nilam
 • Pihak penganjur membahagi-bahagikan peralatan jimat air.
 • Murid-murid Sekolah Rendah Nilam mengedarkan brosur tentang cara-cara untuk mengelakkan pembaziran air.

Mengiktiraf Usaha Para Penduduk untuk Menjimatkan Air
 • Video yang merakamkan usaha para penduduk untuk menjimatkan air dimuat naik ke blog Estet Nilam.
 • Poster yang memaparkan wajah para pemenang Peraduan Jimat Air dipamerkan di sekitar Estet Nilam.

Ayuh, jimatkan air!
 Anda tidak perlu mengurangkan jumlah tanaman di rumah. Gunakan air bekas mencuci beras untuk menyiram tanaman.
 Anda perlu menggantikan peralatan rumah? Dapatkan mangkuk tandas dan mesin basuh pakaian yang mampu menjimatkan air!
 Tahukah anda? Di rumah, air paling banyak digunakan semasa mandi. Hadkan masa mandi kepada lima minit.

Pastikan air paip tidak mengalir tanpa henti.

kosong yang disediakan. Bagi Soalan 33, tulis jawapan kamu di tempat kosong yang disediakan di halaman 6.

30 Tujuan utama Perkhemahan Jejak Kembara diadakan adalah untuk membolehkan para peserta _____.

- (1) menghargai alam semula jadi
- (2) melihat keindahan matahari terbit
- (3) menikmati pengalaman bermalam di hutan
- (4) mendengar kicauan burung pada waktu pagi

31 Sesiapa yang berminat untuk menyertai perkhemahan harus mendaftarkan diri dengan secepat mungkin. Hal ini disebabkan _____.

- (1) bayaran penyertaan yang dikenakan
- (2) syarat-syarat penyertaan yang dikenakan
- (3) tarikh tutup pendaftaran bagi perkhemahan
- (4) bilangan peserta yang boleh menyertai perkhemahan

32 Perkhemahan ini tidak terbuka kepada semua orang. Buktinya ialah perkhemahan ini _____.

- (1) diadakan dari 12 - 14 Disember 2014
- (2) diadakan di Taman Rekreasi Sungai Ular
- (3) terbuka kepada peserta yang tidak mempunyai masalah kesihatan
- (4) terbuka kepada sesiapa yang belum mempunyai rancangan untuk cuti sekolah

SOALAN	JAWAPAN
30	
31	
32	



Interaksi Penulisan

Soalan 33 –


- boleh digantikan dengan soalan kefahaman.
- bahagian interaksi penulisan boleh juga diuji di bahagian kefahaman soalan 39.

33 Kamu mahu mengajak rakan kamu menyertai Perkhemahan Jejak Kembara bersama kamu. Untuk meyakinkan rakan kamu itu, kamu harus menerangkan kepadanya dua faedah yang dapat diraih melalui aktiviti-aktiviti yang dianjurkan.

Gunakan informasi dalam brosur perkhemahan untuk melengkapkan pesanan ringkas di bawah ini. (4 markah)

Perkhemahan Jejak Kembara
Membantu Aliran Sungai dan Alam

Fahmi, selain menikmati pengalaman baharu dan belajar berdikari serta bekerjasama dengan peserta lain, _____



Kefahaman Subjektif

Nizam terpegun melihat almari kaca milik Datuk. Terdapat banyak sekali pingat yang tersusun di dalam almari itu. Di dinding pula, terpamer pelbagai anugerah. Ternyata, Datuk pernah menerima Anugerah Olahragawan Singapura. Sudah sewajarnya; bukankah Datuk menjadi juara nasional sebanyak 11 kali? Malah, Datuk turut memperoleh tiga pingat emas semasa Sukan SEA.

"Bukan mudah untuk Datuk dapat semua itu. Mujur ada raket *squash* ini. Raket ini Datuk pungut dari tong sampah. Hendak beli sendiri, harganya mahal," luah Datuk yang muncul dengan raket buruk di tangannya.

Datuk memang sudah lama menyimpan hasrat untuk menjadi pemain *squash*. Maka itulah, sebaik-baik sahaja Datuk menjumpai raket tersebut, Datuk mendapatkan pekerjaan di pusat sukan yang dilengkapi dengan gelanggang *squash*. Bolehlah Datuk curi-curi melihat cara orang bermain *squash*. Hendak menghadiri kelas bermain *squash*, Datuk tidak mampu. Terpaksalah Datuk belajar dan berlatih sendiri.

"**Sekali lagi, Datuk bernasib baik.** Datuk dibenarkan untuk menggunakan gelanggang *squash* di pusat sukan itu secara percuma. Datuk pun berlatih dengan gigih," jelas Datuk.

Kegihhan Datuk mendapat perhatian Encik Mansur. Beliau menawarkan diri untuk menjadi jurulatih Datuk. Semakin tekunlah Datuk berlatih. Akibatnya, raket yang dipungut itu rosak. Duit yang terkumpul pula masih belum cukup. Buat kali kedua, Encik Mansur menjadi penyelamat Datuk. Beliau menghadiahkan Datuk raket baharu. Sememangnya, Encik Mansur tidak henti-henti memberi Datuk sokongan. Kini, giliran Datuk pula memberikan sokongan kepada para pemain muda. Gembira anggota Kelab Bola Sepak Perwira apabila Datuk menggaji jurulatih yang terkenal untuk memperbaiki mutu permainan mereka. Malah, dengan jersi dan kasut sumbangan Datuklah, mereka dapat beraksi di padang dengan pakaian seragam.

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman 6, jawab soalan-soalan berikut dengan menggunakan ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

34 Mengapakah Nizam terpegun melihat almari kaca milik Datuk? (2 markah)

Markah yang diperoleh	
--------------------------	--

35 Nyatakan sebab Datuk patut menerima Anugerah Olahragawan Singapura. (2 markah)

Markah yang diperoleh	
--------------------------	--



Kefahaman Subjektif



34. Mengapakah penulis dan adiknya berada di rumah?

(4 markah)

Markah yang diperoleh	
--------------------------	--

35. Terangkan mengapa penulis tidak berasa kekok menjaga adiknya.

(2 markah)

Markah yang diperoleh	
--------------------------	--

Interaksi Penulisan -Teks Kefahaman



39

Kamu bercita-cita untuk melibatkan diri dalam bidang sukan. Namun, tanpa sumbangan Datuk, belum tentu kamu dapat mencapai cita-cita kamu itu. Kirimkan kad kepada Datuk untuk menerangkan kebaikan yang telah kamu peroleh hasil sumbangannya itu. Gambarkan juga perasaan kamu kepada Datuk.


Gunakan isi petikan karangan untuk melengkapkan kad di bawah ini. (4 markah)

Datuk, tanpa sumbangan Datuk, belum tentu saya dapat mencapai cita-cita untuk melibatkan diri dalam bidang sukan. _____

Markah yang diperoleh	
--------------------------	--

Kefahaman Subjektif

- ✓ Bagi soalan perkataan seerti, mereka akan diberikan makna perkataan tersebut.
- ✓ Mereka harus mencari perkataan yang terkandung dalam teks.
- ✓ Contoh: - **tidak diizinkan**.
- ✓ Dalam teks ada perkataan - **dilarang**




TIP MENJAWAB SOALAN KERTAS 2

1. Menggunakan strategi menjawab soal an peperiksaan yang telah diajar guru.
2. Menggunakan masa yang diberi dengan sebaik-sebaiknya.
3. Meluangkan masa yang mencukupi untuk menyemak jawapan-jawapan sekolah.



Kertas 3

- Lisan
- Kefahaman Mendengar



Lisan - Contoh Teks Bacaan

A screenshot of a computer window displaying a text document. The window title is "Lisan - Contoh Teks Bacaan". The text inside the window is as follows:

Puan Halimah menjenguk ke dalam bilik Nora. Dia bimbang kerana Nora kelihatan sugul sejak pulang dari sekolah tadi. Dia mendekati anaknya itu.

"Nora ada masalah? Boleh ibu bantu?" tanya Puan Halimah lembut.

Nora mengesat air matanya.

"Lisa akan bertukar sekolah, Ibu. Dia sekeluarga akan ke Jepun. Ayahnya akan ditugas di sana selama dua tahun," jelas Nora zam bil menangis kesak-sak.

Puan Halimah memahami perasaan anaknya itu. Dia menasihati Nora agar tabah dan bertoa semoga mereka dapat berjumpa semula.

"Janganlah berseorng. Lisa dan Nora masih dapat berhubung melalui e-mel, internet dan pelbagai cara lagi. Kamu bertua tidak akan terpisah terus," puji Puan Halimah.

Nora sedar akan kebenaran kata-kata ibunya. Lisa akan ke sana selama dua tahun seaja. Sekembalinya Lisa dari Jepun kelak, dia akan menyambung pelajarannya di sekolah yang sama. Mereka akan berjumpa kembali.

© MDE 2019

Teks bacaan akan dipaparkan di skrin komputer.

Tips Bacaan

- sebutan yang baku dan jelas
- intonasi yang sesuai berdasarkan tanda baca
- kelancaran (tidak tersekat-sekat)
- bacaan harus dapat didengari oleh pemeriksa



Perbualan Berdasarkan Video

- ▶ Mereka akan menonton klip video pendek.
- ▶ Mereka akan diajukan satu soalan berdasarkan video. (**hanya sebagai rangsangan**)
- ▶ Mereka akan diajukan soalan berkaitan dengan video tersebut.




Perbualan Berdasarkan video



Contoh soalan-soalan :-

- Bolehkah kamu **menceritakan** salah satu daripada **perbuatan baik** yang kamu saksikan **dalam video tadi**?
- Ceritakan salah **satu perbuatan baik** yang pernah **dilakukan oleh seseorang** terhadap kamu **selain** daripada yang terpapar dalam video tadi.
- Pada **pendapat kamu**, haruskah **sekolah** menganjurkan **Minggu Berbudi Bahasa? Mengapa?**




Kefahaman Mendengar

- ▶ Murid-murid akan mendengar petikan.
- ▶ Mereka akan menjawab soalan berdasarkan teks yang dimainkan.
- ▶ Mereka boleh menjawab soalan pada bila-bila masa.




Komponen Bahasa Melayu Lanjutan



Format Peperiksaan BML

Kertas	Kandungan	Markah
1	Karangan	40
2	Penggunaan Bahasa	60
	Jumlah	100



Kertas 1

- ▶ 50 minit
- ▶ Pilih hanya satu soalan

Soalan 1 - Akibat suka membuat sesuatu pada saat-saat terakhir

Kamu mempunyai tabiat suka membuat sesuatu pada saat-saat terakhir. Pada suatu hari, tabiat itu telah menyebabkan kamu ditimpa masalah. Peristiwa itu memberi kamu satu pengajaran yang sangat berharga. Kamu bertekad untuk tidak mengulang kesilapan itu.



Kertas 1

Soalan 2 Tulis sebuah cerita dengan menggunakan permulaan yang berikut:-

Sebaik-baik sahaja tiba di rumah, Mira ternampak adik perempuannya mengeluarkan beberapa keping wang kertas \$10 daripada dompet bapanya...



Kertas 2 – Penggunaan Bahasa & Kefahaman

- ▶ Bahagian A – Mengandungi soalan tatabahasa
- ▶ 20 Markah

✓ Peribahasa (FIB)

- Mengandungi 5 soalan berbentuk mengisi tempat kosong.

✓ Mengedit Teks

- Mengandungi 5 soalan berbentuk respons bebas. Mengenal pasti 5 patah perkataan yang disalah imbuh atau disalah guna



Peribahasa



(1) bagai aur dengan tebing	(2) bagai isi dengan kuku
(3) bagai menghitung bulu kambing	(4) lapang dada
(5) murah hati	(6) ringan mulut
(7) seperti air dalam kolam	(8) seperti kacang lupakan kulit

- 1 Ke mana sahaja Sarah pergi, Iffah pasti ada bersamanya. Bahkan, setiap aktiviti yang disertai oleh Iffah turut disertai oleh Sarah. Sarah dan Iffah seolah-olah tidak boleh dipisahkan. Maklumlah, mereka telah berkawan sejak kecil lagi.
- 2 Cikgu Imran bangga melihat murid-muridnya bekerjasama semasa perkhemahan. Anggota setiap kumpulan bukan sahaja bantu-membantu untuk mendirikan khemah, malah mereka tidak teragak-agak untuk menolong kumpulan yang lain.

Mengedit Teks

Semasa hari raya, biasanya, masyarakat Melayu akan menyediakan pelbagai jenis kuih. Antara kuih tradisional Melayu yang sering (6) hidangan termasuklah kuih tat dan kuih makmur. Namun, sejak (7) dibelakangkan ini, permintaan bagi kuih-kuih ini mula berkurang. Ternyata, golongan muda mahukan sesuatu yang berbeza. (8) Supaya ganti, kuih moden disediakan. Sememangnya, golongan muda semakin menunjukkan (9) cinta terhadap kuih moden.

Yang pasti, masyarakat Melayu mempunyai tanggungjawab yang (10) kuat untuk mengekalkan tradisi menyediakan kuih tradisional Melayu. Dengan cara ini, kuih tradisional Melayu dapat terus dinikmati oleh setiap lapisan masyarakat.



Kertas 2 – Penggunaan Bahasa & Kefahaman

▶ Bahagian B – Kefahaman 1

▶ 16 Markah

- Mengandungi 6 soalan berbentuk respons bebas berdasarkan satu teks yang panjangnya lebih kurang 240 patah perkataan.
- Mengenal pasti idea utama
- Soalan kosa kata



Kefahaman 1



KEFAHAMAN 1 (16 MARKAH)

Arahan: Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti.

Kita menggunakan teknologi yang canggih dalam setiap aspek kehidupan. Ternyata, apabila kita menggunakan teknologi, tugas harian kita menjadi lebih mudah. Bahkan, dengan berbuat demikian, kita juga dapat menjimatkan masa. Misalnya, dengan terciptanya lif, kita tidak perlu menaiki atau menuruni tangga. Kita juga dapat menuju ke tingkat yang lebih tinggi atau rendah dalam masa yang singkat. Teknologi memang telah mendatangkan banyak manfaat.

Sudah sewajarnya, penggunaan teknologi terus meningkat. Hasilnya, timbul dorongan dalam kalangan sesetengah orang untuk menjadi lebih kreatif dan inovatif. Orang-orang yang pandai menggunakan akal fikiran ini telah memikirkan cara yang terbaik untuk memanfaatkan teknologi. Maka, terciptalah alat seperti telefon bijak dan komputer riba. Alat-alat ini terbukti berguna untuk berkomunikasi, berhibur dan banyak lagi. Dengan adanya alat-alat seperti ini, kehidupan kita tentunya menjadi bertambah baik.

Kefahaman 1



Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman 4, jawab semua soalan berikut dengan menggunakan ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu di tempat kosong yang disediakan.

11 'Bahkan, dengan berbuat **demikian**, kita juga dapat menjimatkan masa.' (Perenggan 1)
Perkataan 'demikian' dalam ayat ini merujuk kepada perbuatan _____

(2 markah)

12 Perenggan kedua menekankan bahawa penggunaan teknologi dapat menjadikan kehidupan manusia lebih baik. Hal ini tercapai disebabkan adanya _____

(2 markah)

Kefahaman 1



13 Pilih tajuk yang paling sesuai bagi petikan di halaman 4. Kemudian, bubuh tanda (✓) dalam petak yang disediakan di bawah ini bagi jawapan pilihan kamu itu. Berikan bukti untuk menunjukkan bahawa tajuk tersebut paling sesuai.

Peranan teknologi dalam kehidupan manusia

Tanggungjawab manusia dalam usaha memanfaatkan teknologi

(4 markah)


14 Berdasarkan petikan di halaman 4, nyatakan sama ada penerangan yang diberikan di bawah ini betul atau salah. Kemudian, berikan bukti.

Penerangan	Betul/Salah	Bukti
Teknologi mendatangkan kesan positif dalam kehidupan manusia.		
Manusia akan menjadi malas apabila terlalu bergantung pada teknologi.		

(4 markah)

Kertas 2 – Penggunaan Bahasa & Kefahaman

- ▶ Bahagian C – Kefahaman 2
- ▶ 24 Markah
- Mengandungi 7 soalan berbentuk respons bebas berdasarkan satu teks yang panjangnya lebih kurang 320 patah perkataan.
- Menjawab 6 soalan kefahaman
- Memberikan masuk perkataan dan/atau frasa



Kefahaman 2

Arahan: Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti.

Sebaik-baik sahaja mendengar berita bahawa Nek Yah ditimpa kemalangan, Izah segera meninggalkan rumahnya untuk menziarahi Nek Yah. Namun, belum jauh Izah berjalan, dia terlihat Nek Yah bersama dua orang budak lelaki di kolong sebuah blok. Izah terus mendapatkan Nek Yah untuk bertanyakan keadaannya.

"Oh, luka yang Nek Yah alami sedikit sahaja; hanya di bahagian siku dan lutut!" jelas Nek Yah sambil menunjukkan bahagian yang tercedera.

Izah menghela nafas lega. Rupa-rupanya, semasa bersenam di taman, Nek Yah hampir-hampir dilanggar basikal. Mujur Nek Yah sempat mengelak. Oleh sebab hilangimbangan, Nek Yah terjatuh. Budak lelaki yang menunggang basikal itu dan pemboncengnya turut terjatuh.

Mata Izah beralih pula ke arah budak-budak lelaki yang sedang berdiri di sebelah basikal yang rodanya sudah bengkok. Mereka menunduk diam. Jelas sekali, budak-budak lelaki itu berasa kecewa atas perbuatan mereka. Sekali-sekala, budak-budak lelaki itu mengerling ke arah Nek Yah dengan wajah yang kelihatan resah. Tentu mereka baru sahaja dileteri oleh Nek Yah. Wajah Nek Yah yang bengis pasti telah membuat mereka bertambah takut. Izah menghampiri budak-budak lelaki itu untuk melihat luka yang dialami oleh mereka. Ternyata, Nek Yah sudahpun merawat luka tersebut untuk mengelakkan infeksi.

Nek Yah memang penyayang orangnya. Namun, sesiapa yang tidak mengenali Nek Yah pasti akan mempunyai anggapan yang negatif terhadapnya. Maklumlah, Nek Yah lebih suka berterus terang. Kalau perlu memberikan teguran, dia tidak akan teragak-agak untuk melontarkan kata-kata yang kasar, asalkan tegurannya itu meninggalkan kesan yang baik. Izah tidak pernah tersinggung dengan Nek Yah. Dia sudah terbiasa dengan cara Nek Yah. Lagipun, Nek Yah sudah dianggap seperti neneknya sendiri. Nek Yah juga bemiati baik; semua teguran yang diberikan itu untuk kebaikan Izah. Pernah Izah ditegur kerana leka membuang masa.



Kefahaman 2



17 Apakah kecederaan yang dialami oleh Nek Yah? (2 markah)

18 Bagaimanakah kemalangan itu boleh menimpa Nek Yah? (2 markah)

19 Berikan dua bukti yang menunjukkan bahawa budak-budak lelaki itu berasa kesal terhadap tindakan mereka. (4 markah)


Kefahaman 2



23 Berdasarkan petikan karangan di halaman 8, berikan maksud perkataan dan frasa yang berikut.

(i) menghampiri (2 markah)

(ii) menghendaki tumpuan (2 markah)



<https://forms.gle/5BFTbxSkspAXq9nU9>

Please scan the QR Code for your feedback.

Thank you.



**THANK
YOU**

